

BUSA bentuk amalan budaya sihat dalam kalangan mahasiswa UMS

UB 21/4. 2016 B3

EXCO Kebudayaan dan kesenian, Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas), Kolej kediaman Tun Mustapha, Universiti Malaysia Sabah dengan kerjasama Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UMS (FPSK) dan Hospital Queen Elizabeth berjaya menganjurkan Program Kesihatan iaitu Budaya Sihat Tinggi Nilainya (B.U.S.A) pada 2 April 2016.

Seramai 150 orang mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS)

menyertai program yang berlangsung dengan jayanya serta diserikan lagi dengan kehadiran pelakon utama drama Suamiku Sebelah Rumah dan Oh My English!, Nazrief Nazri selaku artis jemputan pada hari berkenaan.

Antara aktiviti menarik yang dijalankan adalah aktiviti 'Zumba For Health' yang diketuai oleh instruktur daripada Kelab Lantera Tari Fitness Dance, pemeriksaan kesihatan secara percuma, aktiviti derma darah, cabutan bertuah, pertandingan

karaoke secara percuma, dan sesi ceramah kesihatan oleh wakil pegawai perubatan Hospital Queen Elizabeth serta persembahan daripada buskers jemputan yang juga merupakan juara UMS Got Talent.

Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah berkata program berbentuk kesihatan sebegini sangat bermanfaat.

"Saya menyeru kepada semua pelajar gunakan peluang ini dan amalkan gaya hidup sihat," katanya.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Madya Dr. Ismail Ali berkata program kesihatan ini juga sememangnya unik apabila terdapat elemen hiburan didalamnya seperti pertandingan karaoke, persembahan buskers dan persembahan muzikal instrumen violin yang disampaikan oleh mahasiswa Kolej Kediaman Tun Mustapha, UMS selaku undangan pada program berkenaan.

Menurut Pengetua KKTM Dr. Mohamad Nizam Nazarudin, pihak FPSK telah terlibat dalam menjalankan tanggungjawab sosial dengan mengadakan sesi kaunseling secara percuma sepanjang program itu diadakan dan mendapat sambutan meriah dalam kalangan mahasiswa.

Pengarah program Muhammad Hamka Hisham berkata, "Program B.U.S.A. ini merupakan satu kesinambungan program sebelum ini yang dikenali sebagai KANTA iaitu Kesihatan Tinggi Nilainya yang pernah diadakan sebelum ini.



MAHASISWA UMS yang menyertai program itu merakam gambar kenangan bersama.